

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 9 TAHUN 1976

DASAR MENGENAI KAWALAN DAN PENGELUARAN LESEN T.O.L. BAGI TANAH-TANAH RIZAB LEMBU/KERBAU

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menarik perhatian semua PHT dan Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri akan diperuntukan di bawah Seksyen 66(c) K.T.N yang menyatakan bahawa Lesen-lesen Menduduki Sementara bolehlah, tertakluk kepada apa-apa arahan yang disebaliknya oleh Pihak berkuasa Negeri dan kepada peruntukan-peruntukan mana-mana kaedah di bawah Seksyen 14, dikeluarkan atau diperbaharui bagi pihak-pihak Berkuasa Negeri; dalam hal tanah rizab:

- i) oleh Pemungut yang bertindak dengan kelulusan Pegawai yang pada masa itu mempunyai kawalan ke atasnya dan
- ii) oleh Pegawai itu, bila dan setakat mana yang ianya diwibawakan (authorized) selaku Pegawai itu oleh Pihak Berkuasa Negeri.

2. Mengenai Arahan oleh Pihak Berkuasa Negeri yang tersebut di atas, M.M.K yang bersidang pada 14.8.1976 selepas selepas menimbang pandangan-pandangan dari Ketua-ketua Jajahan, P.P.H.N dan juga Jawatankuasa Khas Dasar Tanah Negeri bagaimana dalam Kertas Bil 14/550/76 (43) telah menetapkan satu dasar mengenai perkara yang di atas yang kena dipakai sebagai satu 'Arahan' bagi maksud Seksyen 66 K.T.N Dasar yang ditetapkan itu adalah seperti berikut :-

- a) Jabatan Haiwan hendaklah seboleh-bolehnya menentukan supaya kesemua tanah-tanah Rizab Lembu/Kerbau itu sentiasa dikawal, diusahakan dan dimajukan supaya hasrat asal Kerajaan merezabkan tanah itu tercapai dan petani-petani dapat menggunakan rezab itu bagi maksud 'grazing' dalam erti kata sebenar.
- b) Tanah-tanah Rezab Lembu/Kerbau yang pada satu masa tertentu, tidak digunakan bagi maksud 'grazing' disebabkan oleh sesuatu keadaan yang tertentu bolehlah diberi sewa T.O.L bagi maksud bercocok tanam sahaja seperti tanaman sayur, padi, kacang tanah dan lain-lain. T.O.L seperti ini seboleh-bolehnya diberi kepada penduduk-penduduk berhampiran dengan tanah rizab berkenaan.
- c) T.O.L boleh dikeluarkan hanya selepas PPHN benar-benar berpuas hati dan mempunyai alasan yang cukup bahawa tanah itu tidak diperlukan pada masa itu untuk 'grazing'.
- d) T.O.L untuk tujuan-tujuan lain seperti tapak rumah, tapak kilang dan sebagainya tidak harus dipertimbangkan kecuali dalam kes-kes yang tertentu.
- e) Semua permohonan untuk menyewa tanah Rizab Lembu/Kerbau bolehlah dihantar kepada PHT atau kepada PPHN. Jika permohonan itu dihantar kepada PHT, PHT hendaklah memproseskannya seperti biasa dan kemudiannya hendaklah mengedarkan permohonan itu kepada PPHN untuk apa-apa ulasan dan perakuannya. Jika permohonan itu dihantar kepada PPHN, permohonan itu hendaklah diedarkan kepada PHT

bersekali dengan ulasan dan perakuannya untuk diproses. Lepas itu PHT hendaklah mengangkat fail permohonan itu bagi timbangan MMK melalui PTG. Selepas menerima balik fail itu dari MMK, PHT hendaklah memberitahu pemohon dan juga PPHN akan keputusan MMK itu. Lesen TOL hendaklah dikeluarkan oleh PHT tidak PPHN.

- f) Permohonan untuk membaharui Lesen TOL memadailah dihantar kepada PHT dan PHT bolehlah meluluskan lesen TOL itu bagi 3 tahun berturut-turut tetapi sebelum meluluskan permohonan itu hendaklah dirujuk kepada PPHN untuk apa-apa pandangannya.
- g) Mana-mana tanah rezab Lembu/Kerbau yang dimajukan oleh Jabatan Haiwan sendiri atau oleh Badan/Pakatan Kampung (ahli-ahlinya penduduk berhampiran tanah rezab berkenaan sahaja) anjuran Jabatan Haiwan bagi maksud 'grazing' yakni tidak bagi maksud bercucuk tanam seperti padi, sayur-sayuran, kacang tanah dan sebagainya hendaklah dikecualikan dari membayar TOL dan PPHN bolehlah membenarkan penggunaan tanah itu dan PPHN hendaklah memberitahu PHT berkenaan.
- h) Kadar bayaran TOL hendaklah mengikut kadar yang ditetapkan dalam Peraturan Tanah, iaitu tak kurang dari 2 kali ganda kadar hasil tanah biasa.
- i) TOL hendaklah dikeluarkan kepada orang yang benar-benar memerlukannya untuk kegunaannya sendiri dan hendaklah diawasi oleh PHT dan PPHN supaya tanah yan berkenaan itu tidak disalahgunakan, umpamanya diberi sewa kepada orang lain pula dengan sewaan yang tinggi untuk mendapatkan keuntungan.

- j) Mana-mana tanah rezab lembu/kerbau yang tidak lagi dipelukan untuk disimpan hendaklah dilaporkan dari semasa ke semasa kepada kerajaan negeri supaya dibatalkan rezab itu.

3. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersekali dengan Arahan PTG bil 3/76 bagaimana salinannya yang berkembar.

t.t
(Mohd Tajol Aros bin Ahmad)
Pengarah Tanah dan Galian,
Kelantan

KEPADA:

Semua Pemungut Hasil Tanah Kelantan
Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri Kelantan
(dengan salinan yang cukup untuk PPHT & PPH di tiap-tiap Jajahan)

SALINAN KEPADA:

YB Dato Setiausaha Kerajaan Kelantan.
YB. Dato Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
Juru Odit Negeri Kelantan
Pegawai Tadbir, LKT Kelantan
Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN, KOTA BHARU**

PTG.Kn. 1163/(73)

BERTARIKH: 4HB SEPTEMBER 1976.

